

# 6,000 pekerja sertai program latihan

BH (WILAYAH) ILMU SAINS JILO MS6

CENFED berjaya tingkat kualiti modal insan sektor awam, swasta

Oleh Asrol Awang  
bhnews@bharian.com.my

**K**UANTAN: Seramai 6,000 pekerja daripada agensi kerajaan dan sektor swasta mengikuti program latihan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dikendalikan Pusat Pengajian Berterusan dan Pembangunan Profesional (CENFED), Universiti Malaysia Pahang (UMP) sejak penubuhannya pada 2004.

Kejayaan itu membuktikan bahawa penubuhan CENFED semakin diyakini sektor awam dan swasta dalam usaha meningkatkan skil modal insan dalam bidang yang mereka ceburi seterusnya dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada majikan masing-masing.

Pemangku Pengarah CENFED, Jamil Basri, berkata ketika ini, CENFED menawarkan kursus jangka pendek dan jangka panjang di peringkat sijil, diploma eksekutif dan diploma separuh masa kepada pekerja bagi meningkatkan kerjaya.

Katanya, berdasarkan maklum balas diterima, mereka yang mengikuti program di situ memberi maklum balas positif berkaitan sistem pembelajaran dan modul latihan disediakan.

"Keistimewaan program latihan ditawarkan CENFED sememangnya menarik dengan pakej kemudahan dan latihan kondusif, program diiktiraf serta bantuan pembiayaan latihan juga disediakan," katanya.



**PESERTA** yang mengikuti program dikendalikan Pusat Pengajian Berterusan dan Pembangunan Profesional (CENFED), Universiti Malaysia Pahang (UMP).

ketika ditemui di pejabatnya di sini.

Beliau berkata, CENFED juga berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Bhd (PSMB) selaku penyedia latihan profesional bertaraf kelas A yang membolehkan majikan merentas bantuan latihan daripada PSMB, sama ada menerusi skim bantuan latihan (SBL), Skim Bantuan Latihan Khas (SBL Khas) atau skim program yang diluluskan (PROLUS).

"CENFED juga menyediakan latihan profesional (PTP) kepada Perbadanan Perusahaan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia bagi melatih pekerja dari perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka," katanya.

Baru-baru ini, beliau berkata, CENFED menerima pengiktirafan daripada kerajaan apabila dilantik Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

Malaysia (CIDB) sebagai Pusat Latihan Bertauliah Kontraktor (PLBK).

Dengan pelantikan itu, kata dia, CENFED diberi tanggungjawab untuk melatih kontraktor berdaftar dan juga individu yang berhasrat untuk mencabar diri dalam industri pembinaan.

"Objektif utama program itu ialah memenuhi keperluan industri pembinaan bagi melahirkan kontraktor yang

kompeten dalam melaksanakan projek pembinaan berdasarkan Standard Kompetensi Kontraktor (CCS) di samping mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme mereka," katanya.

Sehubungan itu, mereka yang berminat boleh menghubungi Pegawai Pemasaran dan Pembangunan Bisnes CENFED, Zainal Bahari di talian 09-5492629 atau layari <http://cenfed.ump.edu.my>.

ASROL AWANG/BERITA HARIAN